

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**HBT 203 - Bahasa, Undang-Undang Dan Penterjemahan II**  
**(Language, Law and Translation II)**

Masa : 2½ jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan.

**ARAHAN KEPADA CALON:**

1. Jawab **TIGA [3]** soalan; iaitu, jawab soalan **SATU [1]** dan soalan **DUA [2]** yang merupakan soalan **WAJIB** daripada **Bahagian A**, dan mana-mana **SATU [1]** soalan yang lain daripada **Bahagian B**.
2. Tulis semua jawapan dalam **BUKU JAWAPAN**.

**BAHAGIAN A [Jawab SEMUA soalan ]**

1. (Soalan-soalan [a] – [d] hendaklah dijawab dengan maklumat yang perinci).

[a] “Almost all **common law offences** and serious **statutory offences** require two elements, **actus reus** and **mens rea**; in the words of the Latin Maxim: **actus non facit reum nisi mens sit rea.**”

Berpandukan kepada kutipan di atas, sila jawab yang berikut:

[ i] Dalam undang-undang jenayah, apakah perbezaan antara "**common law offences**" dan "**statutory offences**?

[ ii] Dalam kesalahan "**strict liability**" dan kesalahan "**vicarious liability**", komen tentang kedudukan **actus reus** dan **mens rea**.

[iv] Bagi sesuatu syarikat (*corporation*), **mens rea** dan **actus reus** siapakah yang dirujuk?

[ v] Apakah maksud, "...**actus non facit reum nisi mens sit rea.**"

[10 markah]

[b] Jawab soalan-soalan yang berikut:

[ i] Apakah **liabiliti penjenayah** (*criminal liability*)?

[2 markah]

[ ii] Dengan contoh yang sesuai, di dalam jenayah berikut, apakah **actus reus** dan **mens rea** yang diperlukan?

- [a] bunuh,
- [b] bigami,
- [c] pencurian,
- [d] peras ugut,
- [e] serang.

[10 markah]

...3/-

[iii] Apakah perbezaan antara **bunuh** dengan **pematan orang** ?

[3 markah]

[c] Jawab soalan-soalan [i] dan [ii] yang berikut:

[ i ] Dikatakan ada empat jenis minda berbuat jenayah. Sebutkan ke empat-empatnya. Apakah perbezaan antara jenis-jenis **mens rea** dalam empat jenis minda tersebut?

[10 markah]

[ ii ] Terangkan maksud yang berikut dalam undang-undang jenayah:

[a] automatisma,

[b] pembebasan adalah "**at the pleasure of the crown**",

[c] *Hukum M'Naghten*.

[10 markah]

[d] Jawab **kesemua** [i] hingga [v]:

[ i ] Apa yang kamu fahami dengan "**prima facie**"? Bilakah dan siapakah yang perlu membuat pembuktian?

[ ii ] Apakah maksud "**the standard of proof**" dan the "**burden of proof**" oleh Pendakwa Raya.

[iii] Siapakah yang bertanggungjawab membuat pembuktian dalam pembelaan situasi "**gila**" dan "**kewajipan yang merosot**", dan apakah standardnya?

[iv] Apakah jenis-jenis **pembelaan** (defences) bagi tertuduh oleh pembela dalam kes:

**bunuh,**  
**pematan orang**

[ v ] Apakah maksud "**reasonableman standard**" dalam pembelaan kesalahan jenayah?

[15 markah]

2. Jawab [a] dan [b]:

[a] Jawab [i] dan [ii]:

[ i] Terangkan apa yang dimaksudkan dengan kesalahan inkoat?

[ ii] Daripada segi actus reus dan mens rea, apakah perbezaan antara "**incitement**", "**conspiracy**" dan "**attempt**"?

[iii] Terangkan bilakah seseorang itu dapat dianggap sebagai **pihak-pihak dalam jenayah** (*parties to a crime*)?

[10 markah]

[b] Jawab [i] dan [ii]:

[ i] Bezakan antara **serangan** (assault) dan **serang-sentuh** (battery).

[ ii] Terangkan apa maksud **homisid** (homicide).

[10 markah]

**BAHAGIAN B.** Pilih **SATU [1]** soalan sahaja.

3. Jawab [i], [ii] dan [iii]:

[ i] Dalam kesalahan jenayah, huraikan pembelaan dalam kes gila, automatisma, mempertahankan diri dan duress.

[ ii] Huraikan maksud serta diiringi dengan contoh-contoh yang sesuai bahagian-bahagian yang bergaris:  
"A person is guilty of theft if he **dishonestly appropriates property belonging to another** with the **intention of permanently depriving the other of it.**"

[iii] Apakah perbezaan antara **handling**, **robbery**, **burglary** and **blackmail**?

[20 markah]

...5/-

4. Jawab [i], [ii] dan [iii]:

- [ i] Apakah **wasiat** dan apakah yang perlu wujud di dalamnya supaya wasiat itu sah?
- [ ii] Apakah **Amanah** serta terangkan cara mewujudkannya?
- [iii] Huraian **kepastian-kepastian** (certainties) dalam sesuatu Amanah.

[20 markah]

5. Jawab [ i], [ii] dan [iii]:

- [ i] Terangkan maksud "Franchise" dalam Undang-Undang Franchise.
- [ ii] Apakah isu-isu utama dalam perjanjian franchise?
- [iii] Huraikan pilihan-pilihan yang wujud apabila ada perselisihan.

[20 markah]

6. Jawab [i], [ii] dan [iii]:

- [ i] Terjemahkan dan seterusnya terangkan maksud petikan ini dalam undang-undang Tort.  
**"The tort of negligence comprises of three elements, duty of care, breach of that duty, and damage caused to the plaintiff by that breach."**
- [ ii] Bezakan antara **Keadilan Asasi** dan **Ultra Vires**?
- [iii] Terangkan maksud "**audi alteram partem**" dan "**nemo judex in causa sua**".

[20 markah]